

# Komitmen buka lembaran baharu

Persetujuan rancakkan pembangunan industri minyak dan gas

Oleh Alzahrin Alias  
zahrin@bh.com.my

**Putrajaya:** Perjanjian dimeterai antara Sarawak dan PETRONAS melambangkan komitmen Kerajaan Persekutuan untuk menyelesaikan perkara ini secara bersama.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, mengalu-alukan persetujuan di antara kedua-dua pihak dalam menyelesaikan isu berkaitan pengurusan minyak dan gas di negeri itu melalui satu perjanjian komersial.

Pejabat Perdana Menteri dalam satu kenyataan semalam berkata, perjanjian dimeterai kedua-dua pihak akan membuka lembaran baharu dalam usaha merancakkan lagi pembangunan industri minyak dan gas di negeri itu, selain membuka pelbagai peluang perniagaan serta pembangunan industri yang berkaitan.

"Diharapkan penyelesaian isu ini bakal membuka lembaran baharu dalam usaha mencapai Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, selain memastikan pembangunan wilayah yang inklusif



**Muhyiddin bersama Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi Abang Johari Abang Openg** ketika menyaksikan perjanjian antara PETRONAS dan Kerajaan Sarawak yang diwakili Presiden yang juga Ketua Pegawai Eksekutif PETRONAS, Tengku Muhammad Taufik (dua dari kanan) dan Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak, Datuk Amar Jaul Samion, di Kuala Lumpur, semalam. (Foto BERNAMA)

supaya nikmat pembangunan negara dapat dinikmati seluruh rakyat Malaysia secara adil dan saksama," katanya.

Muhyiddin berkata, penyelesaian isu berkaitan pengurusan minyak dan gas, termasuk persetujuan berhubung pengenalan cukai jualan petroleum di Sarawak yang dicapai sebelum ini, akan membolehkan kerajaan negeri memperluaskan kutipan hasil untuk disalurkan kepada pelbagai

program pembangunan demi kesejahteraan segenap lapisan rakyat.

Perjanjian dimeterai semalam juga, katanya, membolehkan Petroleum Sarawak Bhd (PETROS), iaitu anak syarikat milik kerajaan negeri memainkan peranan lebih besar dalam industri minyak dan gas melalui kerjasama dengan PETRONAS.

"Selain itu, ia bakal membuka peluang lebih luas kepada sya-

**Diharapkan penyelesaian isu ini bakal buka lembaran baharu usaha mencapai Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.**

**Muhyiddin Yassin,**  
Perdana Menteri

rikat dalam industri khidmat minyak dan gas di Sarawak untuk menceburi lebih banyak bidang perniagaan berkaitan industri terbabit.

"Pada masa sama, PETRONAS akan terus memainkan peranan sebagai syarikat minyak nasional dengan kuasa penuh dalam mengawal selia pembangunan industri minyak dan gas secara menyeluruh, selaras undang-undang negara," katanya.